

EIE Unikl MSI cungkil bakat inovasi, keusahawanan anak muda

ALORSETAR 1 Sept. - Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI) yang menganjurkan Pameran Inovasi Eureka (EIE) yang sudah pun masuk tahun kedua baru-baru ini wajar dipuji.

Jika tahun sebelumnya peserta hanya terdiri daripada mahasiswa di peringkat pengajian tinggi, namun pada tahun ini dua lagi kategori iaitu untuk pelajar sekolah menengah dan rendah turut diwujudkan.

Malah jumlah peserta turut meningkat dua 190 institusi berbanding hanya 80 penyertaan dalam program yang berlangsung selama tiga hari bermula 28 Julai lalu.

Menurut Presiden Universiti Kuala Lumpur, **Datuk Dr. Mazliham Mohd. Su'ud**, penganjur program tersebut pada tahun ini amat membanggakan dengan kualiti barangan dipamerkan berada pada kelas tersendiri.

"Lebih membanggakan, ada dalam kalangan barangan tersebut yang sudah pun ditempah industri untuk dikomersialkan. Sudah tentu, perkara seperti itu merupakan sesuatu yang amat membanggakan bagi 'anak-anak' ini serta kami sebagai penganjur."

"Bagi kami EIE bukan saja medan mempamerkan kreativiti anak-anak muda dalam bidang inovasi, malah turut menjadi pentas terbaik untuk para pelajar dan mahasiswa ini mengasah kemahiran keusahawanan mereka untuk masa hadapan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Menjelaskan lebih lanjut, Mazliham berkata, kejayaan yang dicapai menerusi program itu sejajar dengan misi UniKL untuk melahirkan usahawan berjaya selain menjadikan pusat pengajian tinggi tersebut lebih kompetitif terutamanya menerusi kecemerlangan pendidikan, latihan, penyelidikan serta beberapa bidang berkaitan.

"Untuk itu, program seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang. Sudah tentu, kualitinya akan dipertingkatkan dan mungkin para peserta perlu menjalani tapisan ketat untuk menyertai EIE pada tahun depan," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi dan Sumber Tenaga Manusia Kedah, **Datuk Norsabrina Mohd. Noor** jelas gembira serta berterima kasih terhadap penganjur program berkenaan di Kedah.

"Saya percaya, bakat menginovasi serta kreativiti terutamanya melalui sains, kejuruteraan dan



Lebih membanggakan, ada dalam kalangan barangan tersebut yang sudah pun ditempah industri untuk dikomersialkan. Sudah tentu, perkara seperti itu merupakan sesuatu yang amat membanggakan bagi 'anak-anak' ini serta kami sebagai penganjur."

MAZLIHAM MOHD. SU'UD
Presiden Universiti Kuala Lumpur

teknologi merupakan asas kepada pemantapan ekonomi seperti digariskan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).

"Sekalung tahniah di atas penganjuran yang saya rasakan cukup berjaya kali ini. Melalui EIE, kita bersama-sama meningkatkan kesedaran awam terutamanya generasi muda terhadap kepentingan bidang kemahiran serta keusahawanan yang mampu menjadi teras kepada pemerikasaan ekonomi negara," ujarnya.

Sementara itu, Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET), Lumut, Perak dinobatkan selaku kontinjen terbaik dalam pameran tersebut apabila meraih empat emas, empat perak dan tiga gangsa.

Pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya (UM), Mohammed Ali Al-Garadi dari Yemen pula meraih anugerah *best of the best* menerusi ciptaannya, aplikasi pengesan buli siber di twitter yang turut diangkat sebagai ciptaan terbaik bagi Kategori Elektrikal dan Elektronik, Teknologi Maklumat, Multimedia serta Komunikasi.